

# Ikan mahal: Dulu satu tong RM80, sekarang sampai RM200

08 1/05/23 ms 5

**MELAKA:** Tiada kawalan di peringkat peraih dan pemborong dipercayai menjadi punca harga ikan semakin mahal di Melaka.


Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Bachang di sini mendapati, rata-rata pembeli dan penjual yang ditemui mengeluh harga ikan naik mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pembeli, Seri Dewi Dewa, 52, berkata, harga ikan dikesan mengalami peningkatan ketara selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat dan trend itu berterusan tanpa ada usaha daripada pihak berwajib untuk mengawalinya.

Katanya, sebagai pembeli dia akan meninjau terlebih dahulu beberapa kedai untuk mencari harga lebih murah.

"Banyak tempat saya pergi tetapi harga tetap sama. Dulu ikan tenggiri RM28 sekilogram, sekarang RM36 sekilogram manakala kembung naik sehingga RM13 sekilogram berbanding RM8 sekilogram sebelum ini.

"Penjual memberi alasan mereka hanya mengikut harga pasaran. Kalau keadaan ini berterusan, bawa wang RM50 ke pasar pun belum tentu boleh beli seekor ikan," katanya.



**JALAL Hassan** menyusun ikan jualannya di gerainya di Pasar Besar MBMB, Bachang, Melaka. - **UTUSAN/ MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI**

Sementara itu, penjual ikan, Jalal Hassan, 50, mengakui ketiadaan kawalan di peringkat peraih dan pemborong menyebabkan harga ikan melambung tinggi.

Menurutnya, harga ikan yang semakin mahal menyebabkan jualannya merosot dan majoriti

peniaga kecil terpaksa memilih jenis ikan serta mencatu jumlah yang hendak dibeli daripada pemborong.

"Saya sebagai peniaga pun tersepit dengan kenaikan harga ini. Sebelum ini kos satu tong ikan adalah RM80 tetapi sekarang naik kepada RM200 hing-

ga RM300.

"Saya takut hendak ambil banyak kerana yang tidak habis dijual akan dibuang. Saya mohon kepada pihak berwajib segera pantau harga ikan kerana situasi sekarang sangat membebankan kepada penjual dan pembeli," katanya.